

08 JAN 2003

Mahathir-MCA

PERDANA MENTERI BELUM BUAT KEPUTUSAN PELETAKAN JAWATAN DR LING

PUTRAJAYA, 8 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum membuat sebarang keputusan berhubung hasrat presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk meletakkan jawatannya sebagai Menteri Pengangkutan.

Merujuk kepada surat peletakan jawatan yang dihantar Dr Ling kepada beliau pada 15 Ogos tahun lepas, Perdana Menteri berkata: "Saya dah terima surat tu dah lama tapi saya belum bersetuju untuk dia letak jawatan lagi."

Dr Mahathir ditemui pemberita di Kelab Tasik Putrajaya di sini selepas menyaksikan demonstrasi hovercraft yang direka bentuk oleh pereka tempatan, Amrul Nizar Anuar, 30, dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Dr Ling mengumumkan kepada pemberita selepas mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) semalam tentang hasratnya untuk berundur daripada kabinet dan menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk menentukan tarikh yang sesuai.

Ditanya bila beliau akan membuat keputusan berhubung kedudukan Dr Ling, Perdana Menteri yang juga pengerusi BN berkata: "Saya sedang fikir."

Dr Mahathir turut ditanya pendapat sesetengah pihak bahawa tindakan Dr Ling itu seperti memperlekeh kabinet memandangkan beliau sebelum ini pernah beberapa kali menyatakan hasrat yang serupa.

Beliau berkata: "Dia dah bagi dah (surat peletakan jawatan). Cuma saya yang tak bagi dia letak jawatan. Dia dah bagi surat mengaku dia nak letak jawatan. Terpulang kepada saya (untuk membuat keputusan). Jadi (Dr Ling) bukan memperlekehkan kabinet."

Perdana Menteri juga diminta mengulas polemik isu poligami berikutan kenyataan Mufti Perlis Datuk Mat Gahaya Hussin yang juga pendaftar nikah dan cerai Perlis, mempelawa lelaki yang ingin berpoligami ke negeri itu.

Negeri Perlis melonggarkan syarat untuk lelaki berpoligami, termasuk tidak memerlukan tandatangan isteri pertama.

Dr Mahathir berkata: "Kita fikir eloklah kita tak bincang banyak sangat tapi akan ada perbincangan sesama orang yang pakar dalam bidang agama dan undang-undang. Saya tak boleh buat kenyataan."

Ditanya sama ada beliau bersetuju dengan tindakan negeri Perlis itu, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak berbangkit. "Tapi saya nak kena kaji dulu," katanya.

Terdahulu Dr Mahathir cuba memandu hoverkraf buatan tempatan itu selama kira-kira 10 minit di sekitar tasik Putrajaya. Perdana Menteri berkata beliau merasa senang dengan pemindahan teknologi Jepun.

Malaysia mampu dan berkebolehan mengeluarkan hoverkraf dengan lebih murah di sini berbanding membuatnya di negara Jepun atau di mana-mana sahaja, katanya.

-- BERNAMA

MAM MFZ RON